

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	05 MARCH 2017

Kerjasama Dr.M-DAP mengejutkan Melayu

UM - 5/3/2017

Oleh **FADZIL ZAINOL**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 4 MAC

KERJASAMA Tun Dr. Mahathir Mohamed dengan DAP merupakan kejutan kepada bangsa Melayu yang tidak pernah menjangka perkara itu berlaku, kerana selama ini menganggap bekas Perdana Menteri itu adalah musuh sejati kepada parti tersebut.

Presiden Institut Antarabangsa Pengurusan Risiko dan Strategi Krisis (IIRMACS), Prof. Datuk Dr. Mohd. Rasid Hussin berkata, perkembangan itu harus menjadi pengajaran kepada Melayu supaya mengambil sikap bersiap sedia dalam apa jua keadaan, kerana sebarang tindakan mengejut bakal menentukan masa depan bangsa.

"Sebelum ini saya sendiri pernah membangkitkan kemungkinan Malaysia menjadi negara republik seperti Singapura, namun ramai yang membantah. Kita selalu bersikap idealistik tetapi

kadangkala mengabaikan risiko-risiko yang boleh berlaku.

"Malaysia menjadi seperti Singapura adalah satu ketidakpastian. Sebelum ini, Dr. Mahathir bekerjasama dengan DAP juga merupakan satu ketidakpastian tetapi lihat bagaimana sekarang," katanya pada Forum Bela Nusa-Apa Erti Perjuangan? di sini malam tadi.

Yang turut hadir Presiden Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (Mubarak), Tan Sri Abdul Aziz Rahman dan bekas Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Dr. Mohd. Fairus Khairudin.

Mohd. Rasid berkata, orang Melayu kini terlalu berada dalam zon selesa dan menolak segala kemungkinan yang dilihat berisiko menjejaskan bangsa.

Katanya, sikap mengambil mudah dalam kalangan pemuda-pemudi Melayu adalah berbahaya, kerana bakal membuka peluang kepada bangsa lain untuk menguasai minda dan tindak-tanduk mereka.

"Kita perlu selalu menilai risiko kita, jika kita hilang negara

ini mana hendak tinggal. Kita bukan sesuka hati boleh membeli hartanah dan mewujudkan sebuah negara baharu untuk bangsa kita," katanya.

Dalam pada itu, Mohd. Fairus berkata, kelemahan orang Melayu adalah sikap bangsa sendiri yang suka memperlekehkan nilai-nilai bangsa.

Katanya, orang Melayu sendiri kadangkala memperlekehkan pakaian bangsa sendiri dan malu untuk memakainya.

"Orang Melayu sendiri apabila menghadiri aktiviti keramaian lebih selesa mengenakan pakaian barat dan malu untuk memakai baju bangsa sendiri. Hal itu sahaja telah menghakis identiti Melayu secara tidak langsung," katanya.

Beliau juga berkata, anak-anak Melayu pada masa ini juga kurang didedahkan dengan hikayat sastera dan sejarah Melayu lama.

"Keadaan itu membuatkan golongan muda Melayu tidak mempunyai perasaan bangga terhadap pencapaian bangsa sejak zaman dahulu," ujarnya.

info

INTIPATI FORUM BELA NUSA - APA ERTI PERJUANGAN?

- Tenatnya akhbar jawi Utusan Melayu menggambarkan kegagalan Melayu.
- Kepimpinan syarikat milik kerajaan (GLC) Melayu tidak sokong akhbar Melayu.
- Nasib Melayu berisiko menjadi nasib sebangsa seperti Singapura.
- Melayu berada dalam zon selesa dan tidak hiraukan risiko yang boleh melenyapkan nilai bangsa.
- Anak-anak Melayu tidak menjiwai sastera dan sejarah Melayu lama.
- Perpecahan bakal hilangkan kuasa politik Melayu.
- Pilihanraya Umum Ke-14 bakal tentukan nasib Melayu.
- Kerjasama Tun Mahathir-DAP perkara yang tidak pernah dijangka.
- Forum akan diteruskan ke peringkat universiti
- Mengumpulkan cendekiawan Melayu bagi memulakan gerakan penyatuan bangsa